



Headline: RM519,979 dipindah ke akaun tidak dikenali Language: Malay
dalam tempoh 11 hari

Publication/Portal: Harian Metro

Section: Lokal

Date: 25 July 2021

Page: 12

RM519,979 dipindah ke akaun tidak dikenali dalam tempoh 11 hari

Kes 1: Bukan sahaja diarah memindahkan wang ke dalam akaun milik individu tidak dikenali, seorang wanita turut diminta meninggalkan kad ATM serta nombor pin kad berkenaan di sebatang pokok berhampiran rumahnya di Kuala Lumpur.

Itu nasib malang menimpa wanita berusia 63 tahun yang kerugian RM559,979 selepas ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis dari Balai Polis Kota Kinabalu.

Mangsa berusia 63 tahun memaklumkan dihubungi individu memperkenalkan diri sebagai Sarjan Chong Sin Han yang memberitahu wanita itu terbabit dengan kegiatan penggubahan wang haram.

Mangsa yang kemudian panik kerana tuduhan itu mengikut arahan suspek supaya memasukkan wang berjumlah RM40,000 ke dalam akaun milik individu persendirian.

Malah, mangsa juga diarahkan meletakkan kad ATM serta nombor pin miliknya berhampiran dengan sebatang pokok berhampiran rumahnya kononnya bagi memudahkan Sarjan Chong mengambil kad ATM dan memantau pergerakan wang dalam akaun milik wanita berkenaan.

Selepas meletakkan kad ATM itu, mangsa kemudian beredar dan tidak tahu siapa yang mengambilnya sebelum dia memaklumkan perkara itu kepada suaminya yang juga warga Eropah.

Semakan dilakukan suami mangsa mendapati akaun bank milik isterinya berjumlah RM519,979 sudah dipindahkan ke akaun tidak dikenali dalam tempoh 11 hari menjadikan jumlah keseluruhan kerugian dialami mangsa RM559,979.

Kes 2: Seorang wanita berusia 71 tahun kerugian hampir RM666,000 selepas diperdaya oleh sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota penguatkuasa.

Mangsa yang dimaklumkan dirinya terbabit dengan kegiatan jenayah berasa bimbang akan ditahan menyebabkan bertindak mengikut arahan suspek.

Suspek meminta mangsa menghantar nombor kod pengesahan transaksi (TAC) melalui panggilan telefon.

Semakan dilakukan mangsa kemudian mendapati terdapat pemindahan wang bermula dalam tempoh dua minggu kepada lima akaun bank yang tidak dikenali berjumlah hampir RM666,000.

**Sindiket Macau
Scam menyamar
sebagai anggota polis**